



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	19/9/2019	MUKA SURAT	:	22
JABATAN	:	PERHILITAN			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			



SEKOR harimau betina sedang berehat di atas dahan kayu dalam ruang pameran di Zoo Negara baru-baru ini.

TIGA ekor anak Harimau Malaya dilepaskan buat kali pertama di ruang pameran sejak dilahirkan pada 1 Mei lalu.

Inisiatif pulihara Harimau Malaya

DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Persatuan Zoologi Malaysia (MZS) memeterai memorandum persefahaman (MoU) bagi melaksanakan Program Pemuliharaan Spesies Terancam 'Selamatkan Si Belang'.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Nor Hisham Ahmad Dahlan berkata, menerusi MoU itu, pihaknya bersetuju untuk menyumbang RM40,365 pada setahun bagi setiap anak harimau itu selama tiga tahun berturut-turut.

"Jumlah kos bagi tiga tahun adalah sebanyak RM121,095. Ia merupakan program tanggungjawab sosial korporat kami bagi mewujudkan kesedaran orang ramai untuk menjaga Harimau Malaya yang semakin terancam pada masa ini.

"Peranan DBKL bukan setakat menjayakan Pelan Pembangunan Kuala Lumpur 2040 dan memberi keselesaan kepada warga kota, tetapi sumbangan ini juga adalah sebagai terapi kepada mereka untuk menceriaikan bandar raya ini serta membantu memulihara haiwan yang semakin terancam," katanya pada majlis yang ditandatangani di Zoo Negara, Hulu Kelang, Selangor baru-baru ini.

MoU yang berkuat kuasa pada 14 September lalu sehingga tahun 2022 itu merangkumi penyaluran sumbangan untuk membiayai



NOR HISHAM (kiri) bertukar-tukar dokumen MoU dengan Zaharin di Zoo Negara, Hulu Kelang baru-baru ini.

kos penjagaan tiga ekor anak Harimau Malaya iaitu Melur, Wira dan Hebat yang lahir pada 1 Mei lalu.

Jumlah itu juga meliputi kos makanan, penjagaan, rawatan serta pengurusannya. Hadir sama, Presiden MZS, Datuk Seri Zaharin Md. Arif.

Kajian

Hasil cerapan yang dijalankan oleh Ist National Tiger Survey, iaitu badan kajian bebas di bawah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) mendapati, hampir 75 peratus plot kajian habitat harimau dalam tempoh 2016 hingga 2018, bilangan Harimau Malaya adalah kurang daripada 150 ekor di Semenanjung Malaysia.

Tambah Nor Hisham, dalam tempoh lima hingga 10

tahun, Malaysia dijangka akan kehilangan spesies ini buat selama-lamanya sekiranya tiada tindakan drastik dijalankan bagi mengatasi masalah penurunan populasi haiwan tersebut.

Sementara itu, Pengarah Zoologi dan Veterinar Zoo Negara, Dr. Mat Naim Ramli berkata, jumlah kos perbelanjaan makanan bagi seekor harimau dewasa di Zoo Negara adalah kira-kira RM120 sehari iaitu antara RM3,000 dan RM4,000 bagi tempoh sebulan.

"Walaupun ketiga-tiga anak harimau terbabit menyusu badan, namun ia berkongsi makanan pejal dengan ibunya.

"Setakat ini kesihatan ibu Harimau Malaya dan ketiga-tiga anaknya sangat baik iaitu si ibu seberat 100 kilogram (kg), manakala anaknya masing-masing 12kg," ujarnya.